

'TRENDING'

'Gema' kumpulan dikir barat NUS



DANIAL FHARICK

Dikir barat bukan satu seni nyanian sahaja. Daripada rentak rebana kepada kespontanan tukang karut, seni itu banyak melatih dan mengajar semangat sepasukan.

Walaupun terdapat beberapa bahagian lain seperti awak-awak, tok juara, tukang karut dan paluan, seni itu memerlukan kesemua anggota saling berkomunikasi agar terserlah bunyi seperti satu unit yang kohesif dan padu.

Sebagai anak Melayu, penglibatan dalam seni dan budaya penting dalam pembentukan jati diri.

Hanya setahun berjinak-jinak dalam dikir barat bersama Universiti Nasional Singapura (NUS) Dikir Barat, saya mengambil langkah menyertai pertandingan Piala Suara Serumpun (PSS) pada 15 Oktober.

Bagi NUS Dikir Barat, pertandingan itu juga merupakan kali pertama kumpulan kami bertanding di pentas besar di samping nama-nama yang lain.

Walaupun merupakan satu pertandingan, hati saya rasa lebih terharu daripada gementar kerana dapat bersama belia-belia lain yang juga ingin mengharumkan seni dikir barat.

Semasa saya sibuk menyalin busana dan cuba mengingat semula lagu dan aksi, seorang peserta daripada kumpulan lain mendekati saya untuk memberi sokongan.

Pada saat itu, memang tidak dapat dinafikan bahawa saya terasa lebih tenang kerana persekitaran yang saling menyokong.

Mengimbas semula tentang persiapan, saya masih ingat keletihan berlatih sebagai seorang awak-awak hampir setiap hari selepas sekolah hingga lewat malam.



BUDAYA DILESTARIKAN: Adisiswa bersama kumpulan wanita NUS, Nuswidya, selepas pertandingan Piala Suara Serumpun. Penulis berdiri di depan, tengah. – Foto ihsan DANIAL FHARICK

Daripada mengasah laungan suara, memberikan tepukan padat dan melembutkan aksi, kesemuanya membina daya tahan untuk terus berlatih dengan semangat kukuh.

Walaupun seseorang itu boleh bernyanyi atau bertepuk dengan baik, kemahiran mereka perlu digunakan bersama kumpulannya untuk kekal satu.

Pada 2023, kumpulan lelaki dari NUS, Adisiswa, membentuk kumpulan bersama pelajar-pelajar lain dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan Institut Teknologi Singapura (SIT).

Ini membolehkan saya mempelajari seni dikir barat daripada pelbagai penggiat yang mempunyai pengalaman dari kumpulan luar. Kami disatukan oleh minat serta semangat untuk menciptakan sejarah bagi NUS.

Kemenangan bukan tujuan kami langsung. Kami hanya ingin pelajari

seni ini rasa berseronok di samping menyampaikan mesej kepada penonton.

Bagi diri saya, saya hanya ingin mempelajari seni daripada mereka yang lebih arif dan mengasah kemahiran sedikit demi sedikit. Saya telah mempelajari kemahiran mendengar rakan-rakan awak-awak lain, rentak paluan serta nada juara dan tukang karut.

Namun, saya telah membawa pulang sesuatu yang lebih berharga, iaitu persahabatan.

Keinginan untuk bertanding sebagai satu kumpulan yang kompak telah merapatkan saya dengan anggota-anggota Adisiswa yang lain serta menjalinkan hubungan lebih erat.

► *Penulis mahasiswa tahun kedua di Kolej Kemanusiaan dan Sains di Universiti Nasional Singapura (NUS).*